

Kerja sambilan bina kemahiran insaniah mahasiswa

BA/14.02.24 / m/s 13

Ahmad Akmal
Danial Amran,
Universiti
Malaysia
Terengganu

Hari ini bukan luar biasa melihat mahasiswa melakukan kerja sambilan bagi menampung kehidupan di kampus. Namun, hal itu tentu sahaja menuntut komitmen tinggi kerana dalam masa sama mereka perlu pandai mencari keseimbangan antara kerja dan belajar bagi mengekalkan prestasi akademik yang baik.

Terdapat pelbagai jenis pekerjaan sampingan yang dilakukan mahasiswa. Antara yang popular adalah terbabit dengan perniagaan dalam talian. Di situ mereka boleh menjual pelbagai produk seperti pakaian, aksesori, barangan keperluan pelajar atau makanan.

Selain itu, ada juga pelajar memanfaatkan kemahiran dan pengetahuan yang ada dengan menjadi guru tuisyen bagi subjek seperti Matematik, Muzik dan bahasa. Malah, ada memilih untuk bekerja di kedai makanan atau restoran makanan segera.

Apapun pilihan kerja yang dibuat, kita harus sedar antara faktor yang mempengaruhi mahasiswa untuk melakukan pekerjaan sambilan adalah

disebabkan kos sara hidup semakin meningkat. Selain itu, elaun atau bantuan kewangan yang diterima terlalu rendah menjadi faktor mereka mencari pekerjaan sambilan, manakala sesetengah mahasiswa pula langsung tidak menerima bantuan kewangan.

Bantu ringankan beban keluarga

Ada juga pelajar yang perlu melakukan pekerjaan sambilan bagi mengurangkan beban kewangan keluarga. Sebahagian pelajar ini berasal daripada keluarga berpendapatan rendah, jadi pekerjaan sambilan bukan sekadar untuk menampung perbelanjaan di kampus, tetapi juga bagi meringankan beban ibu bapa.

Ada sesetengah mereka ini menjadi tulang belakang keluarga, jadi pekerjaan sambilan memastikan mereka mampu membantu keluarga dari segi ekonomi namun dalam masa sama tidak meminggirkan cita-cita dalam pelajaran.

Dari segi lain, melakukan pekerjaan sambilan

sebenarnya membantu mereka menguruskan masa dengan baik.

Hal ini bagi memastikan mereka tidak terbabit dengan kesan kurang baik misalnya kurang rehat. Kurang rehat boleh menyebabkan keletihan dan penurunan tahap kesihatan, selain boleh mengganggu kehidupan sosial mahasiswa. Mereka mungkin tiada masa mencukupi untuk bersosial dengan rakan atau mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum kerana sibuk bekerja.

Jadi, mereka perlu bijak mengurus masa bagi memastikan mampu memperoleh manfaat daripada kedua-duanya. Selain itu, bekerja lebih masa membantu mereka lebih bijak menguruskan wang.

Mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran insaniah dengan secara tidak langsung apabila melakukan pekerjaan sambilan ini. Antaranya ialah mampu mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat, hal ini tidak akan dapat diperolehi dari dalam kelas secara keseluruhan.